



27 November 2017
27 November 2017
P.U. (A) 361

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PENGKOMPANAN KESALAHAN) (PINDAAN) 2017

PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS (COMPOUNDING OF OFFENCES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996

PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pengkompaunan Kesalahan) (Pindaan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 November 2017.

Pindaan peraturan 4

2. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pengkompaunan Kesalahan) 1997 [*P.U. (A) 548/1997*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pembayaran amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu hendaklah dibuat melalui draf bank.”.

Penggantian Jadual Pertama

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

1. Kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta:

- (a)* subseksyen 15(7);
- (b)* subseksyen 28(3);
- (c)* subseksyen 30(4);
- (d)* subseksyen 31(5);
- (e)* subseksyen 33A(4);
- (f)* subseksyen 33A(5);
- (g)* subseksyen 40(2);
- (h)* subseksyen 47(6);
- (i)* subseksyen 51(8);
- (j)* subseksyen 60(5);
- (k)* perenggan 66(4)(a);
- (l)* perenggan 66(4)(b);
- (m)* perenggan 70(6)(a);
- (n)* perenggan 70(6)(b);
- (o)* perenggan 70(6)(c);
- (p)* subseksyen 72(2);
- (q)* subseksyen 73(4);
- (r)* seksyen 75;
- (s)* seksyen 78;
- (t)* perenggan 81(1)(a);
- (u)* perenggan 81(1)(b);
- (v)* perenggan 81(1)(c);
- (w)* perenggan 81(1)(d);
- (x)* perenggan 81(1)(e);
- (y)* perenggan 81(1)(f); dan
- (z)* seksyen 82.

2. Kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Permit Mengajar) 2017 [P.U. (A) 360/2017]:

- (a) subperaturan 7(5);
- (b) subperaturan 10(2); dan
- (c) subperaturan 11(2).".

Penggantian Jadual Kedua

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA
[Peraturan 3]

BORANG A
TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

No. Rujukan: _____

Kepada:

Tuan/Puan,

TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Suatu aduan telah dibuat bahawa anda telah melakukan suatu kesalahan yang berikut di bawah _____

Tarikh: _____ Masa: _____

Tempat: _____

Kesalahan: _____

2. Anda diberitahu bahawa menurut kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 86 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah sebanyak Ringgit Malaysia _____. (RM _____). Sekiranya tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat melalui draf bank kepada Ketua Pendaftar dalam tempoh _____ () hari dari tarikh penerimaan surat ini.

3. Tawaran untuk mengkompaun kesalahan ini akan luput apabila tamat tempoh yang disebut dalam perenggan 2. Sekiranya bayaran jumlah yang dinyatakan di atas tidak dibuat dalam tempoh itu, pendakwaan boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

Cap Rasmi

(Tandatangan Ketua Pendaftar)

(Tarikh)".

Penggantian Jadual Ketiga

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut: